

21 JUN 2003

Gerakan-Pulau Pinang

GERAKAN SOKONG KENYATAAN PM BUKAN MELAYU TERUS TERAJUI PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 21 Jun (BERNAMA) -- Gerakan hari ini menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semalam bahawa jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang akan terus menjadi milik parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat bukan Melayu.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata Gerakan menyambut baik jaminan yang dibuat oleh Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno semalam.

"Ini merupakan salah satu konsep perkongsian kuasa di kalangan parti komponen BN.

"Sebagai parti utama di Pulau Pinang, kami (Gerakan) akan mengetuai parti komponen lain untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya pada sidang media di sini selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat parti itu.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu ketika mengulas saranan Pemuda Umno Pulau Pinang agar jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang diberi kepada Umno sebagai cara terbaik untuk melindungi kepentingan orang Melayu di negeri itu.

Mengulas isu yang sama, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata apa yang dikatakan oleh Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjong, Raja Munir Shah Raja Mustapha, pada Perhimpunan Agung Umno semalam adalah pendapat peribadinya.

"Ia hanya satu kenyataan peribadi dan bukan satu cadangan. Saya akan yakinkan semua pemimpin parti komponen supaya bekerjasama. Memang ada beberapa kelemahan, tetapi kami akan tingkatkan usaha untuk menghadapi cabaran ini.

"Saya ingin tegaskan bahawa di Pulau Pinang, kami akan cuba menjaga semua masyarakat dan kumpulan. Walaupun menghadapi masalah seperti kekurangan tanah dan sumber, namun dengan kerjasama semua rakyat dan sektor swasta, kami akan dapat atasi masalah ini," kata beliau.

Sementara itu, Dr Lim juga menyambut baik semangat anggota Umno yang berikrar untuk tidak merebut jawatan dalam parti itu.

"Ini menunjukkan kestabilan akan wujud apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara. Rakyat akan bersatu dan bersemangat untuk menjayakan Wawasan 2020," kata beliau.

Dr Lim juga berkata perpaduan negara adalah penting dalam usaha mencapai kemajuan.

"Kita hanya boleh bersaing dalam ekonomi global jika kita kuat dan bersatu padu. Dengan memiliki keazaman diri, kita mampu menghadapi cabaran masa depan," katanya.

Beliau juga berkata jentera pilihan raya Gerakan kini sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya umum.

Dr Lim turut menafikan dakwaan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang Dr Koh Tsu Koon akan ditukar berkhidmat di peringkat persekutuan.

"Semua itu adalah khabar angin. Beliau banyak berjasa kepada Pulau Pinang dan tiada cadangan untuk menukarkannya," kata Dr Lim.

-- BERNAMA

VP HK SP PR